

12 DEC 1998

Mahathir-litar

MAHATHIR KAGUM DENGAN LITAR LUMBA ANTARABANGSA SEPANG

SEPANG, 12 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa kagumnya terhadap litar lumba antarabangsa Sepang, yang menurutnya bertaraf antarabangsa dan antara yang terbaik di dunia.

Walaupun tidak melihat banyak litar lumba Formula One tetapi Dr Mahathir menganggap litar lumba antarabangsa Sepang jauh lebih baik jika dibandingkan dengan litar lumba Formula One di Portugal.

Perdana Menteri yakin litar lumba itu, yang bernilai RM286 juta, kelak mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai sebuah litar lumba terbaik di dunia dan menarik banyak perlumbaan peringkat antarabangsa.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan litar itu, Dr Mahathir berharap juara lumba kereta Formula One dunia akan muncul dari litar lumba antarabangsa Sepang.

Sehubungan itu, beliau mengucapkan tahniah kepada pihak berkenaan kerana dapat menyiapkan litar lumba yang boleh memuatkan 130,000 penonton dan mempunyai litar sejauh 5.542 km itu lebih awal daripada yang dijangkakan iaitu sebelum perlumbaan Formula One pada Oktober tahun depan.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada Proton kerana menjadi syarikat pertama menggunakan litar itu bagi perlumbaan Merdeka 300km Proton.

Dr Mahathir yakin litar lumba antarabangsa itu akan membawa banyak hasil kepada negara terutama dalam menarik lebih ramai pelancong dengan penganjuran perlumbaan-perlumbaan peringkat antarabangsa di negara ini.

"Ini penting bagi pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau difahamkan bahawa penganjuran perlumbaan Formula One di litar Sepang dijangka menarik sebanyak 2 bilion penonton dari seluruh dunia dan berharap mereka yang datang ke sini selain melihat perlumbaan mereka juga akan melawat tempat-tempat lain yang menarik di seluruh negara.

Dengan cara itu, katanya pengurusan litar juga akan dapat mengutip hasil daripada pengiklanan serta penyertaan oleh pelumba-pelumba negara asing.

Mengenai litar go-kart yang terdapat di situ, Dr Mahathir berkata ia akan dapat membantu golongan remaja mengasah bakat di samping mengelak mereka daripada berlumba di jalan raya.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada Malaysia ingin menyertai Kumpulan Tujuh (G7) negara perindustrian, berkata Malaysia bukan sahaja tidak akan menyertai kumpulan itu malahan tidak boleh memasukinya.

Beliau berkata Malaysia akan menjadi sebuah negara perindustrian menurut definisinya sendiri.

Dr Mahathir berkata apa yang dapat Malaysia lakukan ialah membantu membangunkan kumpulan G15 dengan Malaysia menjadi anggota agar ia menjadi setaraf dengan G7 dengan kedua-dua pihak dapat mengadakan dialog mengenai pelbagai isu.

Perdana Menteri berkata kumpulan G7 tidak seharusnya menjadi kuasa tunggal atau kumpulan eksekutif dalam membuat keputusan mengenai isu ekonomi antarabangsa kerana mereka tidak memahami masalah yang dihadapi oleh negara lain yang bukan menjadi anggota kumpulan itu.

-- BERNAMA

AKT NAK